

NO. SOALAN: 145

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

SOALAN :

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jenis bantuan kecemasan yang disediakan oleh Kerajaan bagi mangsa-mangsa bencana kebakaran dan apakah garis panduan bantuan kecemasan ini.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) melalui Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan 2012), dengan jelas telah menerangkan mengenai kaedah koordinasi gerak kerja khusus dalam pengurusan bencana di setiap peringkat pentadbiran. Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat Daerah, Negeri dan Pusat dipengerusikan oleh Pegawai Daerah, YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan adalah bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas sepertimana yang terkandung di dalam Arahan MKN No. 20 pada peringkat tindak balas semasa bencana serta pemulihian selepas bencana.

Selain daripada Arahan MKN No.20, Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan, Pembakaran Terbuka dan Jerebu turut diguna pakai oleh agensi-agensi yang berkaitan. Pada peringkat awal, sekiranya berlaku kebakaran kecil, pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan bertanggungjawab untuk menangani situasi yang tersebut. Walau bagaimanapun, apabila situasi bertambah buruk, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah akan diaktifkan bagi menyelaras tindak balas dan bantuan yang boleh disampaikan bagi mengurus situasi tersebut.

Pelaksanaan tindakan oleh Jabatan/Agensi yang terlibat dalam menangani bencana seperti dalam aspek-aspek pencegahan, persediaan, tindakan balas serta bantuan dan pemulihan hendaklah sentiasa memberi tumpuan kepada tugas-tugas yang dijalankan supaya segala penggunaan sumber dalam menangani bencana yang berlaku memberikan hasil yang maksimum ke atas keselamatan awam (*public safety*).

Bagi bantuan kejadian kebakaran pula, pada umumnya kejadian kebakaran tidak diklasifikasikan sebagai bencana alam yang melayakkannya menerima bantuan ihsan dari Kerajaan menerusi tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) dibawah MKN. Namun atas dasar keprihatinan Kerajaan Pusat, terdapat beberapa kejadian kebakaran berskala besar yang dipertimbangkan pemberian wang ihsan kepada ketua isi rumah menggunakan peruntukan KWABBN.

Sekian.Terima kasih.

NO. SOALAN: 146

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

RUJUKAN : 7268

SOALAN:

Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan kementerian terhadap golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab yang berusaha ingin membawa Sabah keluar daripada Malaysia.

JAWAPAN:

Kerajaan memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas terhadap golongan yang mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan semangat kemerdekaan di negara ini.

Dalam hubungan ini, tiada siapa pun akan terlepas dari tindakan undang-undang termasuklah individu-individu yang terlibat di dalam gerakan untuk memisahkan Sabah dari Malaysia.

Walau bagaimanapun, saya tidak berhajat untuk mendedahkan secara terperinci setiap individu-individu tersebut kerana dikhawatir akan mengganggu siasatan pihak polis. Pada masa yang sama, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut memainkan peranan dengan memantau kenyataan-kenyataan berbaur hasutan individu-individu berkenaan yang disebarluaskan melalui semua medium komunikasi termasuk media sosial.

Saya juga ingin menyeru semua pihak agar menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan propaganda menghasut rakyat Sabah untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia demi menjaga keselamatan, kesatuan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang dinikmati selama ini.